

KEMPEN ATAS TALIAN CONNECT “BALANCE TRANSFER 0% KADAR FAEDAH UNTUK 12 BULAN”

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen atas talian “Connect Balance Transfer 0% Kadar Faedah untuk 12 bulan” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada 7 Mac 2018 dan berakhir pada 30 Jun 2018, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila jumlah saiz dana Balance Transfer mencapai RM100,000,000.00, mengikut mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma & Syarat

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Kempen di bawah (“T&S”):

KELAYAKAN

2. Kempen ini hanya terbuka kepada Pemegang Kad Utama Kad Kredit Hong Leong yang baru dan sedia ada, dan akaun kad kreditnya berada dalam keadaan yang baik (tidak ingkar) (“Pemegang Kad yang Layak”) yang telah mendaftar untuk Hong Leong Connect.
3. Pemegang Kad yang Layak berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas tempoh Kempen; atau
 - (b) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB untuk berpotensi melakukan apa-apa perbuatan salah yang dinyatakan di sini.

KAEDAH KEMPEN

4. Pemegang Kad yang Layak boleh memohon melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect dan/atau *Connect App* untuk memindahkan tunggakan baki yang dipegang oleh Pemegang Kad yang Layak dengan tidak lebih daripada tiga (3) institusi kewangan lain atau syarikat kad kredit (“Akaun-akaun Kad yang Lain”), atau kreditkan amaun yang dipohon ke akaun simpanan atau semasa Pemegang Kad yang Layak, ke akaun BT yang diluluskan dengan HLB (“Akaun BT”).
5. Amaun minimum adalah RM15,000.00 dan amaun maksimum adalah RM49,900.00 untuk setiap permohonan Balance Transfer (“BT”).
6. HLB akan memaklumkan secara e-mel dan Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) kepada Pemegang Kad yang Layak sama ada permohonan BT beliau telah diluluskan dan amaun yang diluluskan (“Amaun BT Diluluskan”). Sebaik sahaja Amaun BT diluluskan telah ditentukan, jumlah amaun yang bersamaan dalam had kad kredit Ahli (-ahli) Kad akan ditandakan untuk tujuan tersebut dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang akibat ketiadaan had kredit berikutan ianya telah ditandakan untuk tujuan ini.
7. Apabila Amaun BT Diluluskan telah dipindahkan ke Akaun BT Ahli (-ahli) Kad, kadar faedah 0% setahun akan dicajkan ke atas baki Amaun BT diluluskan semasa untuk 12 bulan (tertakluk kepada tarikh kitaran pernyataan) (“Tempoh Pelan BT”) dan apabila tamat tempoh Pelan BT, faedah pada kadar semasa 18% setahun akan dicaj secara harian dan dikenakan pada mana-mana baki Akaun BT sehingga pembayaran penuh dijelaskan.
8. Pemegang Kad yang Layak dikehendaki membuat pembayaran minima yang perlu dijelaskan untuk Akaun BT atau RM50.00, yang mana lebih tinggi. Jika Pemegang Kad yang Layak gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran perlu dijelaskan, maka kadar faedah 0% p.a. akan ditarik balik dan faedah sebanyak 18% p.a. akan dicajkan ke atas amaun yang tertunggak dalam Akaun BT atas dasar kadar harian sehingga pembayaran sepenuhnya dilaksanakan. Kegagalan untuk membuat pembayaran minima ini akan menyebabkan yuran bayaran lewat 1% dari amaun pembayaran balik pada tarikh penyata atau RM10.00, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100.00 akan dikenakan ke atas Akaun BT tersebut.

9. HLB berhak untuk menarik balik kadar faedah 0% setahun sekiranya Pemegang Kad yang Layak melanggar sebarang terma-terma dan syarat-syarat BT tersebut dan juga sebarang terma-terma dan syarat-syarat semasa yang terdapat di dalam Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong (“Perjanjian Ahli Kad”).
10. Tanpa mengambilkira kandungan Klausa 8 dan 9 di atas, jika pada bila-bila masa, akaun Pemegang Kad yang Layak dan/atau Akaun BT menjadi ingkar atau tertunggak, HLB berhak atas budi bicara mutlaknya mengenakan caj kewangan pada kadar 18% setahun ke atas baki tertunggak di dalam Akaun BT, walaupun ia masih dalam tertakluk kepada kadar faedah 0% setahun untuk 12 bulan.
11. Sementara menunggu kelulusan permohonan BT ini, Pemegang Kad yang Layak masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/Caj lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan sejajar dengan terma-terma yang mengawalselainya. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah yang dikenakan untuk bayaran tunggakan atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang dikenakan akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad yang Layak dan/atau HLB dalam membuat pembayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/Kad Caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan.
12. Sekiranya Ahli(-ahli) Kad menyelesaikan Amaun BT sepenuhnya sebelum tempoh BT yang dipilih berakhir, satu caj penalti penyelesaian awal sebanyak RM70.00 akan dicajkan ke Akaun BT Ahli(-ahli) Kad.
13. Tertakluk kepada Klausa 6 di atas dan jumlah had kredit akaun kad kredit Pemegang(-pemegang) Kad, Pemegang(-pemegang) Kad boleh memohon untuk BT kedua, tertakluk kepada kelulusan oleh HLB dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lazim HLB dan kadar BT biasa.

AM

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju:
 - (a) Membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Kempen;
 - (b) Bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
 - (c) Mengakses Laman Web HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) secara kerap untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S.
15. HLB berhak untuk:
 - (a) Meluluskan atau menolak permohonan BT yang dimohon oleh Pemegang Kad yang Layak tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (b) Membatalkan kelayakan Pemegang Kad yang Layak atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk menyertai Kempen ini;
 - (c) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
16. Ahli(-ahli) Kad tidak dapat mengumpul mata ganjaran dan/atau rebat tunai bagi program BT.
17. T&S ini, terma dan syarat umum di dalam Perjanjian Ahli Kad HLB, dan apa-apa terma dan syarat HLB mungkin berbeza dari semasa ke semasa hendaklah dibaca bersama sebagai perjanjian keseluruhan dan jika terdapat apa-apa percanggahan antara T&S ini dan terma dan syarat umum di dalam Perjanjian Ahli Kad HLB itu, khususnya T&S di dalam ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
18. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&S muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
19. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.